

Rashdan Baba Tokoh Akademik Negara 2013

» *Kecemerlangan bekas Naib Canselor UPM sebagai ahli akademik diiktiraf*

Oleh Magendran Rajagopal dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Emeritus Tan Sri Dr Mohd Rashdan Baba dipilih sebagai Tokoh Akademik Negara 2013.

Penerima anugerah sempena Anugerah Akademik Negara 2013 kelapan itu diberikan sebagai pengiktirafan kepada ahli akademik serta meraikan mereka yang cemerlang dalam aspek perkongsian dan penajanaan ilmu.

Anugerah yang diiringi hadiah RM200,000 itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sini semalam. Yang hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.

Dalam ucapannya, Najib berkata ahli akademik harus memainkan peranan menjalin kerjasama dengan sektor industri bagi menggalakkan pembangunan daya saing inovasi sebagai sumber penting penjana kekayaan negara.

Katanya, jika dilihat dari sudut pengajian tinggi, antara objektif utama membangunkan pendidikan tinggi negara ialah mewujudkan pusat penajanaan ilmu dan khazanah il-



Najib menyampaikan anugerah Tokoh Akademik Negara kepada Mohd Rashdan sambil diperhatikan Muhyiddin dan Idris di Putrajaya, semalam.
[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

mu itu mesti bertapak dan dikembangkan dalam negara.

“Justeru, generasi akan datang akan menjadi yang terbaik, bukan semata-mata mempunyai kelulusan akademik, sebaliknya golongan terpelajar. Inilah warisan yang kita perlu tinggalkan untuk anak cucu kita.

Persaingan global lebih sengit

“Faktor ekonomi pula menuntut guna tenaga yang dapat membawa kita mengisi segala wawasan transformasi negara dan cita-cita kita pada abad ke-21, manakala persaingan global lebih sengit menuntut kita melahirkan guna tenaga yang memiliki kemampuan serta memenuhi syarat persaingan pada peringkat global.

“Ini harus menjadi satu sumber inspirasi kepada kita kerana golongan cendekawan, ilmuwan dan tokoh akademik adalah satu daripada tonggak penting dalam pembangunan negara,” katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata Anugerah Akademik Negara bukan sekadar pengiktirafan akade-

“**Tokoh akademik adalah satu daripada tonggak penting dalam pembangunan negara**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

mik, sebaliknya menghargai penyelidik, penulis buku, penggiat seni dan kreativiti, usahawan serta warga akademik harapan yang memamparkan kecemerlangan.

“Ia sudah menjalani pelbagai penambahbaikan termasuk dari segi nilai hadiah di mana mulai tahun 2012, hadiah bagi Anugerah Tokoh Akademik Negara dinaikkan daripada RM80,000 kepada RM200,000, manakala bagi kategori lain, ditambah daripada RM20,000 kepada RM50,000.

“Kali ini, pencalonan dibuka kepada semua institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk politeknik, kolej komuniti dan kolej lain berbanding hanya universiti serta kolej universiti sahaja sebelum ini,” katanya.